



# **RANGKA KERJA AUDIT CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH**

**TARIKH KUATKUASA : 01 JANUARI 2025**

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

## KANDUNGAN

<b>1. PENGENALAN</b> .....	1
<b>2. PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG</b> .....	2
<b>3. APA ITU AUDIT CKHT?</b> .....	3
<b>4. OBJEKTIF AUDIT CKHT</b> .....	3
<b>5. TEMPOH BORANG NYATA YANG DILIPUTI</b> .....	4
<b>6. PEMILIHAN KES</b> .....	4
<b>7. PELAKSANAAN AUDIT CKHT</b> .....	5
7.1 Tindakan Awal Audit.....	5
7.2 Semakan Dokumen .....	6
7.3 Penyelesaian Audit.....	9
7.4 Pengakuan Sukarela .....	11
<b>8. HAK DAN TANGGUNGJAWAB</b> .....	11
8.1 LHDNM.....	11
8.2 Pembayar Cukai.....	13
8.3 Ejen Cukai Berdaftar, Peguam bela dan peguam cara Mahkamah Tinggi Malaya atau peguam bela Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak .....	15
<b>9. KERAHSIAAN MAKLUMAT</b> .....	17
<b>10. KESALAHAN DAN PENALTI</b> .....	17
<b>11. PENGADUAN</b> .....	19
<b>12. PROSEDUR BAYARAN</b> .....	19
<b>13. RAYUAN</b> .....	20
<b>14. TARIKH KUAT KUASA</b> .....	20

## **1. PENGENALAN**

- 1.1 Selaras dengan pengenalan Sistem Taksir Sendiri Cukai Keuntungan Harta Tanah (STS CKHT) mulai 01 Januari 2025, audit Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) adalah salah satu aktiviti yang dilaksanakan di Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) bagi meningkatkan pematuhan cukai secara sukarela.
- 1.2 Rangka Kerja Audit CKHT dikeluarkan oleh LHDNM bertujuan untuk :
  - (a) memastikan audit CKHT dilaksanakan dengan adil, telus dan saksama. Rangka Kerja Audit CKHT menggariskan hak serta tanggungjawab pegawai audit CKHT, pembayar cukai dan ejen cukai/peguam;
  - (b) membantu pegawai audit CKHT menjalankan tugas dengan lebih cekap dan berkesan; dan
  - (c) membantu pembayar cukai memenuhi tanggungjawab mereka.
- 1.3 Rangka Kerja Audit CKHT ini terpakai kepada pembayar cukai yang terlibat dengan transaksi pemerolehan dan pelupusan aset yang tertakluk kepada Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 (ACKHT 1976).
- 1.4 Seseorang pembayar cukai boleh dipilih untuk diaudit pada bila-bila masa. Walau bagaimanapun, sekiranya pembayar cukai telah dipilih untuk diaudit ini tidak bermaksud pembayar cukai tersebut telah melakukan kesalahan.
- 1.5 Kesalahan percukaian seperti ketidakpatuhan dan pengelakan CKHT akan diambil tindakan berdasarkan peruntukan ACKHT 1976.

## 2. PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG

2.1 Peruntukan undang-undang di bawah ACKHT 1976 yang diguna pakai dalam audit CKHT adalah:

Peruntukan	Penjelasan
Seksyen 13	Penyata
Seksyen 13A	Pindaan penyata
Seksyen 14	Taksiran
Seksyen 15	Taksiran tambahan
Seksyen 15A	Taksiran disifatkan ke atas penyata terpinda
Seksyen 18	Hak untuk merayu
Seksyen 21	Bayaran cukai
Seksyen 27	Kuasa untuk meminta maklumat
Seksyen 28	Kuasa untuk memasuki bangunan dan melihat dokumen, dsb.
Seksyen 28A	Kuasa untuk meminta penyata spesifik dan pengemukaan buku
Seksyen 28B	Kuasa untuk meminta akaun bank dan sebagainya
Seksyen 28C	Tanggungjawab menyimpan dokumen bagi menentukan keuntungan yang boleh dikenakan cukai dan cukai kena dibayar
Seksyen 29	Kemungkiran memberitahu atau membuat penyata pelupusan
Seksyen 30	Penyata, dsb., yang tidak betul
Seksyen 31	Sengaja melarikan cukai
Seksyen 33	Menghalang pegawai
Seksyen 34	Pecah rahsia
Seksyen 36	Kesalahan lain
Seksyen 37	Peruntukan tambahan mengenai kesalahan di bawah seksyen 30, 32, 33 atau 36

<b>Peruntukan</b>	<b>Penjelasan</b>
Seksyen 38	Cukai kena dibayar walaupun langkah prosiding diambil
Seksyen 40	Mengkompapun kesalahan dan mengurangkan penalti
Seksyen 41	Mendapatkan pembayaran penalti
Seksyen 42	Bidang kuasa mahkamah rendah

2.2 Peruntukan undang-undang berkaitan dengan aktiviti audit CKHT tidak hanya terhad kepada peruntukan undang-undang yang dinyatakan dalam perenggan 2.1 di atas tetapi meliputi keseluruhan akta-akta lain yang ditadbir oleh LHDNM.

### **3. APA ITU AUDIT CKHT?**

3.1 Audit CKHT adalah semakan atau pemeriksaan rekod pembayar cukai bagi memastikan keuntungan atas pelupusan dan cukai yang sepatutnya dilaporkan dan dibayar mengikut undang-undang dan peruntukan di bawah ACKHT 1976.

3.2 Kaedah pelaksanaan audit CKHT adalah melalui semakan secara menyeluruh yang dijalankan di pejabat LHDNM melibatkan semakan terperinci ke atas pelaporan keuntungan / kerugian atas pelupusan, tuntutan perbelanjaan dan kos sampingan di dalam Borang Nyata CKHT (BNCKHT) bagi memastikan cukai yang dikenakan adalah berdasarkan peruntukan ACKHT 1976.

### **4. OBJEKTIF AUDIT CKHT**

4.1 Objektif utama audit CKHT adalah untuk :

- 4.1.1 menggalakkan pematuhan secara sukarela terhadap undang-undang dan peraturan percukaian di bawah peruntukan ACKHT 1976 selaras dengan pelaksanaan STS CKHT; dan
- 4.1.2 memberi pendidikan serta pendedahan kepada pembayar cukai terhadap tanggungjawab dan kewajipan mereka di bawah peruntukan ACKHT 1976.
- 4.2 Pegawai audit CKHT perlu memastikan bahawa pelupusan yang betul telah dilaporkan dan cukai telah dibayar mengikut undang-undang dan peraturan percukaian di bawah peruntukan ACKHT 1976.

## **5. TAHUN TAKSIRAN YANG DILIPUTI**

- 5.1 Audit CKHT dijalankan secara audit menyeluruh dan meliputi pelupusan dalam tempoh tiga (3) tahun taksiran kebelakang.
- 5.2 Walau bagaimanapun, tahun-tahun taksiran yang diliputi untuk membangkitkan taksiran boleh dilanjutkan sehingga lima (5) tahun taksiran kebelakang bergantung kepada isu audit yang ditemui. Had bagi tempoh liputan ini tidak terpakai bagi kes audit yang melibatkan penipuan (*fraud*) atau keingkaran sengaja (*wilful default*) seperti yang diperuntukkan di bawah subseksyen 15(2) ACKHT 1976.

## **6. PEMILIHAN KES**

- 6.1 Pemilihan kes audit CKHT dilakukan berasaskan kepada kriteria penilaian risiko dan / atau berasaskan kepada pelbagai punca maklumat yang diterima.

6.2 Antara asas yang digunakan dalam pemilihan kes audit CKHT adalah seperti berikut:

- (a) pemilihan melalui kriteria penilaian risiko;
- (b) maklumat yang diterima daripada pihak ketiga;
- (c) isu-isu khusus bagi kumpulan pelupus tertentu; atau
- (d) pemilihan berasaskan lokasi dan sebagainya.

## **7. PELAKSANAAN AUDIT CKHT**

### **7.1 Tindakan Awal Audit**

- 7.1.1 Surat permohonan bagi mendapatkan dokumen dan maklumat akan dikeluarkan kepada pembayar cukai melalui e-mel rasmi atau pos bagi mendapatkan dokumen dan maklumat.
- 7.1.2 Bagi kes yang memerlukan pembayar cukai mengemukakan dokumen dan maklumat, pembayar cukai dikehendaki memberikan maklum balas dalam tempoh 14 hari dari tarikh surat permohonan bagi mendapatkan dokumen dan maklumat tersebut. Sekiranya pembayar cukai gagal mengemukakan maklum balas dalam masa yang ditetapkan, tindakan audit akan diteruskan dengan menggunakan kaedah yang bersesuaian.
- 7.1.3 Bagi kes di mana dokumen dan maklumat lanjut tidak diperlukan, surat permohonan bagi mendapatkan dokumen dan maklumat tidak akan dikeluarkan tetapi pembayar cukai hanya akan dimaklumkan berkenaan pelarasan keuntungan dan cukai yang dikenakan yang akan dikeluarkan bersama-sama Notis Taksiran.

7.1.4 Tindakan audit berserta pemakluman boleh dipanjangkan ke atas syarikat / perniagaan berkaitan atau yang mempunyai kawalan oleh pembayar cukai.

## **7.2 Semakan Dokumen**

7.2.1 Semasa proses pengauditan, pegawai audit CKHT hendaklah dibenarkan menyemak semua dokumen berkaitan pelupusan aset termasuk perbelanjaan dan kos sampingan bagi mengesahkan tuntutan yang dibuat oleh pembayar cukai.

7.2.2 Dalam keadaan tertentu pegawai audit CKHT juga perlu menyemak dokumen selain daripada pelupusan aset pembayar cukai.

7.2.3 Di bawah peruntukan seksyen 28 ACKHT 1976, pegawai audit CKHT dibenarkan mengakses sepenuhnya rekod-rekod pembayar cukai. Sekiranya perlu pegawai audit CKHT hendaklah dibenarkan membuat salinan rekod dan dokumen yang berkaitan.

7.2.4 Sekiranya terdapat keperluan untuk pengambilan dokumen asal pembayar cukai, pegawai audit CKHT akan menyediakan senarai dan akuan terimaan pengambilan dokumen. Pembayar cukai boleh menyemak dokumen tersebut serta membuat salinan ke atas senarainya (jika perlu).

7.2.5 Pegawai audit CKHT akan menjalankan semakan ke atas semua dokumen yang berkaitan bagi menentukan amaun keuntungan pelupusan yang betul telah dilaporkan.



7.2.6 Semakan dokumen tersebut secara umumnya adalah seperti berikut:

**(a) Pelupusan Aset**

- (i) Salinan Perjanjian Jual Beli bersetem / Borang KTN 14A bersetem / Memorandum Pindah Milik bersetem atau bukti-bukti lain pelupusan harta tanah.
- (ii) Salinan Perjanjian Jual Beli bersetem / Borang KTN 14A bersetem / Memorandum Pindah Milik bersetem / geran / catatan carian persendirian dari Pejabat Tanah atau bukti atau bukti lain pemerolehan harta tanah.
- (iii) Salinan laporan penilaian oleh jurunilai berlesen bagi pelupusan dan pemerolehan yang tertakluk kepada nilai pasaran (sekiranya ada).
- (iv) Dokumen sokongan diskaun / rebat yang diterima daripada pemaju atau pelupus (sekiranya ada).
- (v) Dokumen sokongan perbelanjaan pelupusan dan pemerolehan harta tanah.
- (vi) Perakuan Tidak Dikenakan Cukai (CKHT 5 atau CKHT 5A) di bawah seksyen 21A ACKHT 1976 bersama pengiraan cukai yang dikeluarkan oleh LHDNM bagi tuntutan kerugian harta tanah yang telah dilupuskan sebelum ini.
- (vii) Salinan surat kuasa wakil pelupus bagi tujuan pindah milik oleh wakil pelupus.

(viii) Salinan Geran Probet (Grant of Probate) / Surat Kuasa Mentadbir (Letter of Administration) / surat wasiat bagi pelupusan harta pusaka.

**(b) Dokumen Lain**

Bagi kes di mana dokumen aset tidak mencukupi, pegawai audit CKHT perlu menyemak dokumen / maklumat tambahan seperti berikut:

- (i) Salinan kad pengenalan, sijil kewarganegaraan, sijil kelahiran / sijil pengambilan anak angkat atau sijil perkahwinan bagi pemberian kasih sayang;
- (ii) Akaun Beraudit beserta Laporan Pengarah (jika berkaitan);
- (iii) Penyata bank;
- (iv) Perkara-perkara lain sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 27 ACKHT 1976.

7.2.7 Peruntukan seksyen 28C ACKHT 1976 menghendaki pembayar cukai menyimpan dokumen yang mencukupi dan lengkap bagi membolehkan keuntungan atau kerugian daripada pelupusan ditentukan.

7.2.8 Sekiranya pembayar cukai gagal menyimpan dokumen yang mencukupi dan lengkap, pegawai audit CKHT akan menggunakan kaedah atau pendekatan yang terbaik bagi menentukan sesuatu keuntungan telah dilaporkan dengan betul dan sepatutnya.

### **7.3 Penyelesaian Audit**

- 7.3.1 Pembayar cukai boleh diminta hadir ke pejabat LHDNM bagi membincangkan isu penemuan audit yang terlibat.
- 7.3.2 Selain itu, sekiranya tiada arahan untuk mana-mana pembayar cukai untuk hadir ke pejabat LHDNM, pembayar cukai boleh menghubungi atau hadir sendiri ke pejabat LHDNM yang diketahui sedang menjalankan audit CKHT ke atas pembayar cukai bagi mendapatkan penjelasan berkenaan perkembangan proses audit tersebut atau memberikan maklumat lanjut bagi mempercepatkan penyelesaian audit.
- 7.3.3 Pembayar cukai akan dimaklumkan secara bertulis melalui surat penemuan audit yang meliputi perkara-perkara berikut:
- (a) isu-isu audit yang dibangkitkan; dan
  - (b) sebab dan rasional isu-isu yang dibangkitkan.
- 7.3.4 Pembayar cukai akan diberi peluang untuk memberi maklum balas dan penjelasan berkenaan dengan penemuan audit.
- 7.3.5 Jika pembayar cukai tidak berpuas hati dengan penemuan audit yang dikeluarkan, pembayar cukai boleh membuat bantahan secara rasmi dalam tempoh 18 hari dari tarikh Surat Penemuan Semakan Kes dengan mengemukakan maklumat tambahan dan bukti-bukti untuk menyokong bantahannya.

- 7.3.6 Bantahan pembayar cukai akan disemak dan pembayar cukai akan dimaklumkan sewajarnya berkenaan penemuan audit yang dimuktamadkan.
- 7.3.7 Jika tiada bantahan diterima dalam tempoh 18 hari dari tarikh Surat Penemuan Semakan Kes, pembayar cukai dianggap telah bersetuju dengan penemuan audit tersebut.
- 7.3.8 Jumlah pelarasan keuntungan, cukai dan penalti (jika ada) dan pelupusan-pelupusan lain yang terlibat akan dimaklumkan melalui Surat Penyelesaian Kes. Seterusnya notis taksiran cukai atau pemberitahuan tidak kena cukai akan dikeluarkan.
- 7.3.9 Sekiranya tiada pelarasan dibuat, surat memaklumkan tentang penyelesaian audit tanpa pelarasan akan dikeluarkan.
- 7.3.10 Kes audit CKHT perlu diselesaikan dalam tempoh 90 hari kalendar dari permulaan tarikh audit bermula atau tarikh Surat Pemakluman Semakan Dokumen dikeluarkan, mana-mana yang berkenaan. Sekiranya kes tidak dapat diselesaikan dalam tempoh 90 hari kalendar, pembayar cukai akan dimaklumkan oleh LHDNM.
- 7.3.11 Kes audit CKHT yang telah diselesaikan tidak akan diaudit semula bagi pelupusan yang sama. Walau bagaimanapun jika terdapat maklumat baharu yang diterima bagi tahun taksiran berkenaan, pengauditan semula boleh dijalankan.

## 7.4 Pengakuan Sukarela

- 7.4.1 Pengakuan sukarela bermaksud pembayar cukai membuat pengakuan sukarela selepas tarikh akhir pengemukaan BNCKHT secara bertulis melalui surat atau media elektronik pada bila-bila masa iaitu **sebelum tindakan audit CKHT bermula**.
- 7.4.2 Tindakan audit CKHT bermula bermaksud tindakan pada tarikh surat permohonan bagi mendapatkan dokumen dan maklumat yang mana surat tersebut akan dikeluarkan kepada pembayar cukai melalui e-mel rasmi atau pos bagi tujuan pertanyaan atau mendapatkan maklumat atau dokumen yang berkaitan dengan isu audit.
- 7.4.3 Pengakuan sukarela ini hanya ditawarkan kepada pembayar cukai yang mengemukakan BNCKHT sahaja.
- 7.4.4 Semua pengakuan sukarela hendaklah dibuat secara bertulis kepada Pengarah Negeri LHDNM yang berkenaan.

## 8. HAK DAN TANGGUNGJAWAB

### 8.1 LHDNM

- 8.1.1 Pegawai audit CKHT dikehendaki mematuhi peraturan dan kod etika yang digariskan oleh LHDNM seperti berikut dalam menjalankan tugasnya:
- (a) profesional, bersopan, amanah, jujur dan berintegriti;

- (b) sentiasa bersedia menerangkan tujuan kerja pengauditan dan hak serta tanggungjawab pembayar cukai;
- (c) berpengetahuan dan melaksanakan undang-undang percukaian dengan adil dan saksama;
- (d) bekerjasama dan sedia memberi nasihat dan bimbingan kepada pembayar cukai;
- (e) memastikan pelaksanaan audit berjalan lancar dengan penggunaan masa yang optimum;
- (f) meminta dokumen, buku akaun dan maklumat-maklumat yang berkaitan sahaja;
- (g) memberi penjelasan ke atas penemuan semakan kes serta memberi peluang kepada pembayar cukai memberi penjelasan dan maklum balas ke atas isu-isu yang dipertikaikan di dalam tempoh yang ditetapkan; dan
- (h) memastikan hak dan kepentingan pembayar cukai, ejen cukai, peguam bela dan peguam cara Mahkamah Tinggi Malaya atau peguam bela Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak dan dokumen-dokumen pembayar cukai terpelihara.

8.1.2 Pegawai audit CKHT dilarang:

- (a) mempunyai kepentingan peribadi atau kewangan terhadap perniagaan pembayar cukai yang diaudit;
- (b) mengesyorkan kepada pembayar cukai untuk melantik ejen cukai tertentu sebagai ejen bagi sesuatu kes audit; dan

- (c) menyalahgunakan kedudukan atau kuasa yang ada dalam menjalankan tugas, sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 35 ACKHT 1976.

## **8.2 Pembayar Cukai**

### **8.2.1 Tanggungjawab pembayar cukai:**

- (a) memberikan kerjasama, bersopan, berlaku adil, jujur dan berintegriti;
- (b) menyediakan kemudahan dan bantuan yang munasabah bagi membolehkan pegawai audit CKHT menjalankan tugas yang antaranya adalah seperti berikut:
  - (i) memberi maklumat dan menyediakan dokumen-dokumen dan rekod-rekod untuk disemak;
  - (ii) memberi penerangan berhubung dengan pemerolehan dan pelupusan aset;
  - (iii) memberi kebenaran menyemak dan menyalin dokumen sama ada dalam bentuk fizikal dan / atau elektronik;
  - (iv) membantu menyediakan dan / atau mengakses dokumen yang disimpan secara fizikal dan / atau elektronik.
- (c) Memberi kerjasama untuk menjawab semua soalan yang dikemukakan:

- (i) sekiranya soalan yang dikemukakan adalah kurang jelas, pembayar cukai boleh memohon penjelasan lanjut daripada pegawai audit;
- (ii) pembayar cukai dianggap melakukan satu kesalahan di bawah peruntukan ACKHT 1976 sekiranya gagal bekerjasama dalam memberikan maklumat yang diperlukan.

8.2.2 Pembayar cukai adalah dilarang:

- (a) memberi sebarang bentuk hadiah kepada pegawai audit CKHT dan berurusan dengan pegawai audit CKHT sepanjang tempoh pengauditan dijalankan;
- (b) membuat sebarang bentuk bayaran kepada pegawai audit; dan
- (d) menghalang pegawai audit CKHT daripada menjalankan tugas. Halangan tersebut adalah satu kesalahan di bawah seksyen 33 ACKHT 1976 yang melibatkan perkara-perkara berikut:
  - (i) menghalang atau enggan membenarkan pegawai audit CKHT memasuki mana-mana tanah, bangunan dan tempat menurut seksyen 28 ACKHT 1976;
  - (ii) menghalang pegawai audit CKHT untuk menjalankan fungsi-fungsi dan tugas di bawah ACKHT 1976;
  - (iii) enggan mengemukakan apa-apa buku akaun atau dokumen lain dalam jagaannya atau di bawah kawalannya apabila diminta berbuat demikian oleh pegawai audit;



- (iv) gagal memberikan bantuan yang munasabah kepada pegawai audit CKHT dalam menjalankan tugasnya; atau
- (v) enggan menjawab apa-apa soalan yang berkaitan semasa audit dijalankan.

### **8.3 Ejen Cukai Berdaftar, Peguam bela dan peguam cara Mahkamah Tinggi Malaya atau peguam bela Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak**

- 8.3.1 Pembayar cukai hendaklah mengemukakan surat pelantikan ejen cukai berdaftar, peguam bela dan peguam cara Mahkamah Tinggi Malaya atau peguam bela Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak yang mewakili mereka.
- 8.3.2 Pembayar cukai boleh meminta ejen cukai berdaftar, peguam bela dan peguam cara Mahkamah Tinggi Malaya atau peguam bela Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak hadir bersama-sama semasa pembayar cukai diminta untuk hadir ke pejabat LHDNM.
- 8.3.3 Pembayar cukai juga dibenarkan menggunakan khidmat jurubahasa semasa hadir ke pejabat LHDNM bagi sesi perbincangan sekiranya pembayar cukai tidak fasih berbahasa Malaysia atau Inggeris.
- 8.3.4 Ejen cukai berdaftar, peguam bela dan peguam cara Mahkamah Tinggi Malaya atau peguam bela Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak adalah tertakluk kepada kod etika yang telah dikeluarkan oleh LHDNM yang berasaskan kepada prinsip-prinsip berkaitan dengan integriti, akauntabiliti, ketelusan dan tanggungjawab sosial.

8.3.5 Dalam melaksanakan tugas, ejen cukai berdaftar, peguam bela dan peguam cara Mahkamah Tinggi Malaya atau peguam bela Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak hendaklah:

- (a) berintegriti, mempunyai nilai profesionalisme dan berpengetahuan tinggi terhadap undang-undang dan amalan percukaian;
- (b) jujur, amanah, telus dan sentiasa memberikan kerjasama sepenuhnya kepada pembayar cukai dan juga LHDNM, seperti memaklumkan penamatan khidmat mereka sebagai ejen cukai, peguam bela dan peguam cara Mahkamah Tinggi Malaya atau peguam bela Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak serta sentiasa mengikuti prosedur dan garis panduan yang telah ditetapkan oleh LHDNM;
- (c) tidak menggunakan maklumat yang diperolehi atau kedudukan mereka sebagai ejen cukai, peguam bela dan peguam cara Mahkamah Tinggi Malaya atau peguam bela Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak bagi tujuan kepentingan peribadi;
- (d) sentiasa memberikan maklum balas yang tepat berkenaan perkembangan proses pengauditan dan menasihati pembayar cukai berdasarkan kepada fakta yang tepat dan betul; dan
- (e) memelihara kerahsiaan sesuatu maklumat dan memastikan supaya tidak berlaku kebocoran maklumat kepada pihak lain (seksyen 47 ACKHT 1976).

8.3.6 Ejen cukai berdaftar, peguam bela dan peguam cara Mahkamah Tinggi Malaya atau peguam bela Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak adalah dilarang:

- (a) memberikan nasihat yang salah serta bekerjasama dengan pembayar cukai untuk mengurangkan amaun cukai yang sepatutnya;
- (b) melengahkan proses penyelesaian audit CKHT atau melepaskan tanggungjawab yang telah diamanahkan; dan
- (c) memberi sebarang bentuk hadiah kepada pegawai audit CKHT termasuk bagi pihak pembayar cukai.

## **9. KERAHSIAAN MAKLUMAT**

LHDNM akan memastikan semua maklumat yang diperolehi daripada pembayar cukai sama ada melalui temuduga, perbincangan, surat menyurat atau semakan rekod dan dokumen adalah rahsia dan hanya digunakan bagi tujuan percukaian sahaja.

## **10. KESALAHAN DAN PENALTI**

10.1 Sekiranya terdapat kekurangan atau ketinggalan sebarang keuntungan berikutan daripada penemuan audit, penalti boleh dikenakan di bawah subseksyen 30(2) ACKHT 1976 bersamaan dengan amaun cukai yang terkurang (100%). Namun, bagi maksud Rangka Kerja Audit CKHT ini, penalti di bawah subseksyen 30(2) ACKHT 1976 dikenakan pada kadar seperti berikut:

<b>Penalti</b>	<b>Kadar</b>
Penalti di bawah subseksyen 30(2) ACKHT 1976	45%

- 10.2 Walau bagaimanapun, KPHDN boleh menggunakan kuasa budi bicara berdasarkan subseksyen 40(3) ACKHT 1976 untuk mengurang atau menghapuskan penalti yang dikenakan.
- 10.3 Kadar penalti konsesi boleh dikenakan bagi kes-kes di mana pengakuan secara sukarela dibuat oleh pembayar cukai. Pembayar cukai tidak layak membuat pengakuan sukarela apabila tindakan audit telah bermula.
- 10.4 Kadar penalti di bawah subseksyen 30(2) ACKHT 1976 bagi kes pengakuan sukarela adalah **seperti berikut:**

<b>Tempoh Pengakuan Sukarela</b>	<b>Kadar</b>
≤ 6 bulan dari tarikh akhir pengemukaan BNCKHT	10%
> 6 bulan dari tarikh akhir pengemukaan BNCKHT	20%

- 10.5 Jika pembayar cukai telah mengemukakan pengakuan sukarela pertama melalui Borang Nyata Terpinda (BNT) dan selanjutnya membuat **pengakuan sukarela tambahan dalam tempoh enam (6) bulan** dari tarikh akhir pengemukaan BN, kadar penalti bagi pengakuan sukarela tersebut adalah **10%**.

## 11. PENGADUAN

- 11.1 Pembayar cukai boleh membuat pengaduan jika tidak berpuas hati dengan sikap pegawai audit CKHT atau cara-cara pengendalian audit CKHT kepada / Pengarah Negeri / Pengarah Cawangan Khas / Pengarah Jabatan Operasi Setem dan CKHT / Timbalan Ketua Pengarah / Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri.
- 11.2 LHDNM akan mengambil tindakan tegas, adil dan saksama dalam menangani aduan yang diterima.
- 11.3 LHDNM tidak akan melayan sebarang aduan yang tidak berasas serta mempunyai unsur-unsur atau niat yang tidak baik.
- 11.4 LHDNM akan membuat aduan terhadap ejen cukai, peguam atau wakil yang tidak memberi kerjasama atau bersikap tidak profesional dan bertentangan dengan kod etika kepada pihak berkuasa berkenaan seperti Kementerian Kewangan Malaysia / *Chartered Tax Institute of Malaysia* / Institut Akauntan Malaysia / Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia / Persatuan Akauntan Percukaian Malaysia / Badan Peguam Malaysia.

## 12. PROSEDUR BAYARAN

- 12.1 Sekiranya terdapat pengenaan cukai dan penalti berbangkit daripada pelarasan audit CKHT dan notis taksiran dikeluarkan oleh KPHDN, pembayar cukai adalah dikehendaki untuk membuat bayaran penuh terhadap cukai yang dikenakan dan penalti berbangkit daripada pelarasan audit CKHT seperti di notis taksiran.

- 12.2 Sekiranya pembayar cukai gagal membuat bayaran dalam tempoh yang ditetapkan, kenaikan cukai akan dikenakan ke atas baki cukai yang tidak dibayar.

### **13. RAYUAN**

- 13.1. Seksyen 18 ACKHT 1976 menyediakan ruang kepada pembayar cukai untuk membuat rayuan berhubung dengan taksiran CKHT yang dibangkitkan oleh LHDNM.
- 13.2. Pembayar cukai yang tidak berpuas hati dengan Notis Taksiran / Notis Pemberitahuan Tidak Kena Cukai yang dibangkitkan oleh LHDNM di bawah pelaksanaan audit CKHT ini, boleh mengemukakan rayuan kepada Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan dalam tempoh 30 hari selepas penyampaian Notis Taksiran / Notis Pemberitahuan Tidak Kena Cukai.
- 13.3. Semua rayuan terhadap taksiran hendaklah dibuat melalui Borang Q yang lengkap kepada Pengarah Operasi Negeri yang berkenaan.

### **14. TARIKH KUAT KUASA**

Rangka Kerja Audit CKHT ini berkuatkuasa mulai **01 Januari 2025**.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia  
01 Januari 2025**